



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KEDUDUKAN INSTITUSI PONDOK DALAM PEMBANGUNAN BELIA
ISLAM DI PATANI THAILAND**

MAHAMABOOKHOREE ABOOSALAE

FPP 2001 21



**KEDUDUKAN INSTITUSI PONDOK DALAM PEMBANGUNAN BELIA
ISLAM DI PATANI THAILAND**

MAHAMABOOKHOREE ABOOSALAE

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains
November 2001**



**KEDUDUKAN INSTITUSI PONDOK DALAM PEMBANGUNAN BELIA
ISLAM DI PATANI THAILAND**

MAHAMABOOKHOREE ABOOSALAE

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
2001**



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**KEDUDUKAN INSTITUSI PONDOK DALAM PEMBANGUNAN BELIA
ISLAM DI PATANI THAILAND**

Oleh

MAHAMABOOKHOREE ABOOSALAE

November 2001

Pengerusi: Prof. Madya Azahari Ismail, Ph.D.

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk memahami persoalan-persoalan berkaitan dengan kedudukan institusi pondok dalam pembangunan belia di Patani Thailand. Persoalan yang diketengahkan dalam kajian ini ialah berhubung dengan kedudukan pondok, sistem pondok, kesan pondok, keunikan pondok dan masalah pondok.

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif bagi mendapat jawapan yang lebih terperinci. Penyelidik telah menemuduga secara terperinci 8 orang responden di sekitar wilayah Pattani Thailand. Temuduga dijalankan dalam bahasa Melayu Kelantan. Temuduga ini telah dirakamkan dan ditranskripkan ke dalam verbatim. Data telah dianalisis dengan membentuk tema yang didapati daripada data.

Kajian ini menunjukkan bahawa 1) pondok dapat memberi kesan ke atas ilmu agama, ibadat, akhlak, budaya dan cara berfikir; 2) sambutan masyarakat amat menggalakkan dan 3) keunikan pondok ialah agama.

Implikasi kajian dibincangkan berdasarkan kepada hasil penemuan yang diperolehi. Penyelidik juga mengemukakan beberapa cadangan yang sesuai dan berguna bagi kajian

pada masa hadapan. Kajian ini telah memberikan maklumat berguna untuk memahami permasalahan pondok dalam pembangunan belia, seterusnya dapat membantu dalam memperkemas pendekatan pembangunan belia seluruhnya.

Abstract of thesis submitted to the senate of University Putra Malaysia in partial fulfillment of the requirements for the degree of Master of Science

THE STATUS OF THE PONDOK IN THE DEVELOPMENT OF MUSLIM YOUTH IN PATANI, THAILAND

By

MAHAMABOOKHOREE ABOOSALAE

November 2001

Chairman: Associate Professor Hj. Azahari bin Ismail, Ph.D.

Faculty : Educational Studies

This study sought to understand the nature of the pondok system and its contribution towards the development of youth in Patani, Thailand. Questions related to the status, system, impact, uniqueness and problems of the pondok were the concern of the study.

Qualitative method have been used in this research to get a reliable information. The researcher conducted in-depth interviews with eight respondents within the District of Pattani, Thailand. The interviews were in the Kelantanese Malay dialect. All interviews were audio recorded and transcribed verbatim. The data were analysed based on the developed themes.

The study indicated that the pondok 1) had impacts on religion, morals, culture and ways of thinking; 2) enjoyed good support from the community and; 3) had its uniqueness in religion.

Among the implications of the research were that this study will provide an understanding of the pondok system in the education and development of youth. Hence ,



the findings can help people associated with youth in their work. The findings will further assist in reviewing approaches towards youth development.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin limpah kurnia dan rahmatnya, saya dapat menyiapkan penulisan ilmiah yang bertajuk “Kedudukan Institusi Pondok Dalam Pembangunan Belia Di Patani Thailand” dalam tempoh masa yang diberikan.

Rasa terhutang budi yang tidak terhingga dan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Prof. Madya Dr. Azahari Ismail** selaku penyelia tesis yang banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar yang membina dengan membaiki kelemahan serta memberi saranan berguna bagi menyiapkan penulisan ilmiah ini.

Melalui ruangan ini, saya mengambil kesempatan merakamkan jutaan terima kasih kepada ahli jawatankuasa iaitu, **Dr. Shamsuddin Ahmad** dan **Dr. Khairuddin Idris** yang sudi meluangkan masa untuk memberi pandangan dan tunjuk ajar dalam menghasilkan satu penulisan ilmiah yang baik. Ribuan terima kasih juga kepada semua pensyarah Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan yang telah mencurahkan ilmu dan memberi tunjuk ajar sepanjang pengajian saya.

Terima kasih ditujukan kepada responden kajian ini yang sanggup meluangkan masa serta bekerjasama dalam memberikan maklumat yang amat diperlukan dalam menjayakan tesis ini.

Terima kasih juga kepada kakitangan Pejabat Pengarah Ideal U.P.M. Encik Rashid Kak Jun, Ina, Sha dan sesiapa yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberi layanan dan kemudahan kepada saya sepanjang berurusan dengan mereka.

Penghargaan khusus kepada Baba dan Mama yang sentiasa memberi semangat dan berdoa selalu, juga Abang-abang saya yang sentiasa memberikan semangat dan menolong

saya dalam beberapa masalah.

Akhir sekali penghargaan yang tidak dapat dilupakan kepada isteri saya tersayang Wan Tah Wan Husin yang sentiasa membantu saya pada setiap suasana, susah atau senang, pahit atau manis dan anak-anak saya semua.

Penghargaan juga ditujukan kepada setiap individu yang memberikan sokongan dan bantuan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan latihan ilmiah ini. Akhir kata, sesungguhnya budi kalian hanya Allah sahajalah yang dapat membalasnya. Semoga kalian beroleh kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Amin Ya Rabbal Aalamin.

Wassalam



Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Mahamabookhoree Aboosalae telah mengadakan pemeriksa akhir pada 28hb. November 2001 untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk “Kedudukan Institusi Pondok Dalam Pembangunan Belia Islam Di Patani Thailand” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

Turiman Suandi, Ph.D.
Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Azahari bin Ismail, Ph.D.
Profesor Madya
Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Shamsuddin bin Ahmad, Ph.D.
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Khairuddin bin Idris, Ph.D.
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)



AINI IDERIS, Ph.D.
Profesor
Dekan Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:


Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains.

AINI IDERIS, Ph.D.
Profesor
Dekan Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberikan penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institusi-institusi lain.



MAHAMABOOKHOREE ABOOSALAE

Tarikh: 31-1-2002

KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
PENGESAHAN	viii
KANDUNGAN	x
PERAKUAN	xii
SENARAI JADUAL	xiii

BAB

I	PENDAHULUAN	1
	Latar Belakang Masalah	4
	Pernyataan Masalah	7
	Soalan Kajian	7
	Kepentingan Kajian	8
II	KAJIAN BAHAN BERTULIS	9
	Pengertian Pembangunan	9
	Asas Pembangunan Islam	12
	Konsep Pembangunan Belia	15
	Program Pembangunan Belia	17
	Pengertian Pembangunan Belia	19
	Belia Dan Perubahan	21
	Program Pembangunan Belia Mengikut Perspektif Islam	22
	Cabaran Terhadap Belia Islam	25
	Pengertian Pondok	26
	Pondok Di Segi Fizikal dan Saiz	27
	Sistem Pendidikan Pondok	27
	Anggapan Masyarakat Terhadap Pondok	30
	Harapan Kerajaan Thai Terhadap Institusi Pondok	30
	Usaha Kerajaan Thai	31
	Menghasilkan Sukatan Mata Pelajaran, Kurikulum dan Buku Teks Sekolah Agama Rakyat	32
III	METODOLOGI KAJIAN	33
	Bentuk Kajian	34
	Kes Kajian	36
	Responden Kajian	36
	Pengumpulan Data	37
	Analisis Data	39
	Transkrip Data	40



	Validiti Dan Reliabiliti	41
	Validiti	42
	Reliabiliti	44
IV	PENEMUAN KAJIAN	46
	Profail Istitusi Pondok	46
	Senarai Kategori	50
	Faktor Wujud Pondok	51
	Kesan Pondok	52
	Sistem Pondok	55
	Objektif Pondok	57
	Aspek Tumpuan	58
	Masalah	59
	Keunikan Institusi Pondok	60
	Sambutan Masyarakat	62
	Peranan Dan Sumbangan	62
V	RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	65
	Penyataan Masalah	65
	Soalan Kajian	66
	Kepentingan Kajian	66
	Kajian Bahan Bertulis	67
	Pengertian Pondok	69
	Metodologi	69
	Ringkasan Penemuan Kajian	79
	Perbincangan	71
	Kedudukan Institusi Pondok	71
	Sambutan Masyarakat	73
	Peranan dan Sumbangan	74
	Kesimpulan	74
	Cadangan	76

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

Lampiran A Surat Kebenaran Dari Universiti Putra Malaysia

Lampiran B Panduan Temubual

BIODATA PENULIS



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1.	Jumlah Sekolah (Pondok) Agama Rakyat Dalam Kawasan Pendidikan 2 Tahun 1999	5
2.	Jumlah pelajar Sekolah Agama Dalam Kawasan Pendidikan Pendidikan 2 Tahun 1999	5

BAB I

PENDAHULUAN

Patani adalah satu kawasan pertanian yang terletak di selatan negeri Thai, dikenali sebagai Phaktai (Selatan Thailand). Patani terdiri daripada empat wilayah, iaitu Pattani, Yala, Narathiwat dan Satul. Wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat terletak di sebelah timur berhadapan dengan Laut Cina Selatan, manakala Satul terletak di sebelah barat berhadapan dengan Laut Andaman. Kebanyakan kawasan Patani bersempadan dengan Malaysia kecuali wilayah Pattani. Wilayah Narathiwat bersempadan dengan Malaysia di sepanjang Sungai Golok negeri Kelantan dan wilayah Yala bersempadan dengan Malaysia di kawasan hutan bukit negeri Perak. Sementara itu, Wilayah Satul bersempadan dengan Malaysia melalui laut dan negeri Perlis (Pusat Pentadbiran Wilayah-wilayah sempadan Thai Malaysia, 1997).

Mengikut sejarah Siam, Kota Melayu yang dikenali sekarang dengan Pattani, Yala, Narathiwat dan Satul pernah jatuh di bawah jajahan Siam sejak zaman Sukothai (utara Bangkok) iaitu dalam abad ke-17 Masihi. Kemudian setelah Kota Ayutya (utara Bangkok) pecah dalam abad ke-18 Masihi, pada masa yang sama Patani telah mengishtiharkan kemerdekaan. Pada masa itulah Patani mencorakkan sejarahnya tersendiri termasuklah bahasa, agama, kebudayaan, ekonomi dan lain-lain. Patani yang telah merdeka lebih kurang 200 tahun, telah diserang oleh Siam sekali lagi dalam abad ke-19. Patani telah jatuh di bawah jajahan Siam sekali lagi iaitu kira-kira 100 tahun yang lalu dan sehingga kehari ini bumi Patani telah terbahagi kepada tujuh jajahan, iaitu Saiburi, Pattani, Nongcik, Jala, Yaring, Range dan Raman (Pusat Pentadbiran Sempadan Thai Malaysia 1997).



Patani pernah dianggap sebagai sebuah kerajaan Melayu yang bermula pada awal kurun ke-13 apabila Raja Siam Sukhothai menuntut wilayah kesultanan Islam sebagai jajahannya (Suhrke & Lela 1977).

Patani yang terletak di pantai timur selatan Thailand, merupakan tapak kerajaan Melayu sejak beberapa abad yang lalu (Jones 1979). Pada zaman kegemilangan silam Patani telah diperintah oleh Kesultanan Melayu. Bukti-bukti kekuasaan dan kepentingan masih kekal hingga hari ini, di mana sebuah masyarakat Melayu Islam Patani yang bertuturkan dalam bahasa Melayu dalam kehidupan sehari-hari. Adat resam, agama dan pemikiran mereka berbeza daripada masyarakat Thai yang lain. Ciri-ciri tersebut mungkin satu peninggalan terhadap kegemilangan silamnya (Mathesan & Hooker 1988).

Pada asalnya penduduk Patani 100% terdiri daripada orang Melayu Islam. Tetapi sekarang penduduk Patani dicampuri dengan pendatang Budha Siam dan Cina yang berasal dari utara Thailand. Mengikut perangkaan rasmi, penduduk Islam berbangsa Melayu berjumlah 67.21% sahaja (Pusat Pentadbiran Wilayah-Wilayah sempadan Thai Malaysia 1997). Walau bagaimanapun perangkaan ini terlalu jauh daripada yang sebenar, kerana setiap kali pilihan raya hampir keseluruhan kerusi perwakilan parliman dimenangi oleh perwakilan Islam. Pembangunan sosio ekonomi yang sedang dan telah berjalan tidak seimbang dengan pembangunan yang telah dicapai oleh kawasan-kawasan lain di seluruh Thailand. Pembangunan di kawasan Patani hanya tertumpu di kawasan bandar-bandar sahaja.

Pendapatan perkapita penduduk kawasan Patani jauh berbeza jika dibandingkan dengan pendapatan penduduk kawasan selatan Thailand keseluruhannya. Pendapatan penduduk Patani (Pattani, Yala, Satul, dan Narathiwat) dalam tahun 1992 hanya berjumlah sebanyak 30,564 Bath (US\$ 804) setahun berbanding dengan pendapatan

penduduk di kawasan selatan keseluruhannya, iaitu sebanyak 32,532 Bath (US\$ 856) (Pusat Pentadbiran Wilayah-Wilayah Sempadan Thai Malaysia, 1997)

Pertumbuhan ekonomi di kawasan Patani berada di tahap 4.5 peratus pada tahun 1997. Kadar ini jauh berbeza dengan pertumbuhan ekonomi yang dicapai oleh kawasan-kawasan lain di seluruh Thailand.

Kadar pertumbuhan ekonomi yang rendah telah mempengaruhi pembangunan sumber manusia seperti pembangunan belia. Namun begitu proses pembangunan belia di Patani tetap berjalan walaupun tidak dapat bantuan daripada pihak kerajaan kerana pembangunan belia melalui cara pendekatan pondok tidak mengutamakan kebendaan dan fizikal. Oleh itu sebab itu proses pembangunan ini tetap berjalan lancar.

Sistem Pendidikan di Patani mempunyai dua sistem iaitu sistem pendidikan kerajaan dan pendidikan swasta, dan kedua-duanya mempunyai 3 peringkat, iaitu rendah, menengah dan tinggi. Pendidikan di kawasan Patani di peringkat rendah kebanyakannya dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan setiap warga Thai diwajibkan mengikuti pendidikan rendah. Pendidikan di peringkat menengah di Patani kebanyakannya dilaksanakan oleh pihak swasta yang terdiri dari pondok-pondok yang setengah daripadanya menerusi bantuan daripada kerajaan. Sebahagian lagi tidak mendapat bantuan kerajaan, bahkan semua perbelanjaan dibiayai sendiri. Sistem pendidikan tinggi kebanyakannya dilaksanakan oleh pihak kerajaan (Hasan Madmarn, 2001).

Pondok pada masa dahulu tidak didaftarkan di bawah Jabatan Pendidikan tetapi ia didaftarkan di bawah unit agama kerana pondok pada masa itu tidak ikut sistem yang diakui oleh kerajaan.

Latar Belakang Masalah

Institusi pondok di Patani telah bermula pada abad ke-16 M, institusi ini yang dimulai oleh Faqih/Lebai Wan Musa yang dipercayai beliau telah membina Pondok Sena yang menjalankan aktiviti pendidikan penyebaran Islam sekitar abad ke-16 M (Wan Mohd. Shaghir, 1992).

Kemudian penubuhan institusi pondok yang diikuti oleh Tok Wan Pa yang diberikan ilham untuk mententeramkan umat Islam sebagai Jundullah (tentera Allah). Beliau membuka kawasan hutan sekitar kampung Sena itu untuk dijadikan tempat belajar dan berlatih (Wan Mohd. Shoghir 1992).

Mengikut Pitsuwan (1982), pada awal kurun ke-19 Patani menjadi sebuah pusat pendidikan Islam tradisional. Tambah beliau, pusat pendidikan ini pada ketika itu menyediakan pendidikan Islam pada peringkat permulaan bagi pelajar Islam sebelum mereka bertukar ke institusi-institusi pengajian tinggi di Timur Tengah.

Institusi pondak telah memulakan operasinya sejak sekian lama dan telah mendapat sambutan masyarakat. Institusi pondok diasaskan oleh tokoh-tokoh agama atau dikenali sebagai "Tok Guru" secara ikhlas tanpa sumbangan daripada mana-mana pihak sama ada daripada nafqah hidup mereka atau daripada perbelanjaan pembinaan tempat. Mereka terus berusaha secara begini sehingga berjaya menyebarkan Islam ke seluruh kawasan Patani. Pertumbuhan pondok di kawasan Patani boleh dikatakan luar biasa kerana setiap kawasan mempunyai pondok tersendiri yang didirikan oleh tokoh-tokoh agama.

Mengikut perangkaan Pusat Pendidikan Kawasan 2 (Pattani, Yala, Narathiwat dan Satul) terdapat sebanyak 159 buah sekolah di kawasan ini dan terdapat dalam wilayah Pattani sahaja sebanyak 61 buah sekolah dan pondok, dan jumlah pelajar dalam kawasan pendidikan 2 sebanyak 83,627 pelajar, dalam wilayah Pattani sahaja

terdapat sebanyak 29,738. Berikut disertakan jadual perangkaan sekolah dan pondok seperti berikut:

Jadual 1: Jumlah Sekolah (Pondok) Agama Rakyat Dalam Kawasan Pendidikan 2 Tahun 1999

Wilayah	Sekolah agam & akademi	Sekolah agama sahaja
Pattani	40	21
Narathiwat	38	16
Yala	22	16
Satul	11	1
Jumlah	111	48

Sumber: Laporan Tahunan Pusat Pendidikan Kawasan 2 Tahun 2000

Jadual 2: Jumlah Pelajar Dalam Kawasan Pendidikan 2 tahun 1999

Wilayah	Jumlah pelajar keseluruhan	Jumlah pelajar agama & akademik	Jumlah pelajar agama sahaja
Pattani	29,738	24,912	4,826
Narathiwat	22,988	18,330	4,658
Yala	18,896	17,468	1,428
Satul	12,005	10,503	1,503
Jumlah	83,627	71,213	12,415

Sumber: Laporan Tahunan Pusat Pendidikan Kawasan 2 Tahun 2000

Berdasarkan Jadual 1 dan 2 didapati bahawa pembangunan belia di Patani sungguh menakjubkan. Namun begitu masih banyak belia Islam yang tidak mendapat pendidikan di pondok. Sebahagian daripada belia-belia ini mendapat pendidikan di sekolah-sekolah kerajaan dan sebahagian lagi tidak mendapat pendidikan dari mana-

mana tempat. Mereka inilah yang mudah terpengaruh dengan gejala-gejala yang tidak sihat seperti penagihan dadah, pergaulan bebas lelaki dan perempuan, lepak di bandar-bandar, terlibat dalam kes-kes jenayah dan sebagainya. Faktor persekitaran juga telah mempengaruhi belia-belia ke arah amalan tidak sihat kerana mereka yang terlibat dengan perkara ini bukan sahaja terdiri dari kalangan belia yang tidak berpendidikan bahkan masih ramai yang berpendidikan terlibat dengan gejala-gejala ini. Gejala keruntuhan moral dan peradaban moden kini, telah dianggap oleh Garaudi (1982) sebagai menuju pembunuhan diri sendiri.

Institusi pondok bukanlah merupakan institusi khas untuk belia, kerana ianya adalah institusi pendidikan. Oleh kerana tidak ada institusi belia yang ditubuhkan khusus untuk mereka maka institusi ini telah mengambil peranan sebagai institusi belia sesuai dengan keadaan tempat dan kepercayaan yang diberi oleh penduduk tempatan.

Institusi formal yang ditubuhkan oleh kerajaan di bawah kementerian pelajaran yang dikenali sebagai unit belia beroperasi di setiap wilayah di seluruh Thailand. Tetapi institusi ini tidak mendapat sambutan dari penduduk setempat. Hal ini disebabkan institusi tersebut jauh berbeza dalam setiap aspek dari segi suasana penduduk setempat, seperti agama, budaya dan bentuk pendekatan. Oleh itu, institusi tersebut tidak dapat memberi sebarang peranan atau kisan kepada masyarakat.

Program yang dianjurkan oleh Unit Belia kebanyakannya bersifat sementara sahaja hal ini disebabkan oleh beberapa perkara seperti masalah peruntukan yang tidak mencukupi dan juga kurang sokongan dari ahli politik Thai. Oleh yang demikian bagi umat Islam pondoklah menjadi tempat asuhan dan pendidikan yang sesuai sekali bagi belia.

Kenyataan Masalah

Kewujudan pondok yang begitu banyak semenjak dahulu hingga sekarang dan sambutan daripada masyarakat semakin bertambah di Patani menyebabkan institusi ini terus berkembang. Institusi pondok sama ada kecil atau besar merupakan suatu perkara yang agak luar biasa kerana tidak pernah wujud di mana-mana tempat di atas bumi Allah s.w.t. seperti di Patani yang muda mudinya mendapat pendidikan.

Kewujudan institusi pondok yang banyak dan melibatkan muda mudi yang banyak juga telah menimbulkan beberapa persoalan berikut: kenapakah wujud institusi pondok begitu banyak dalam kawasan Patani? Apakah kesan-kesan terhadap masyarakat khususnya belia-belia Islam? Apakah yang sedang dilakukan oleh institusi pondok terhadap belia-belia Islam di Patani? dan Apakah tarikan institusi pondok terhadap masyarakat Patani?.

Berdasarkan persoalan di atas, maka kajian ini perlu dilakukan untuk mendapatkan jawapan-jawapan yang dapat menjelaskan kedudukan institusi ini dalam pembangunan belia di Patani, Thailand.

Soalan Kajian

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk memahami dan menjawab soalan-soalan kajian yang berkaitan dengan kedudukan institusi pondok dalam membangunkan belia-belia Islam di Patani, Thailand, seperti yang berikut :

1. Mengapakah institusi pondok wujud begitu banyak di Patani?
2. Apakah kesan institusi pondok terhadap masyarakat di Patani?
3. Bagaimanakah institusi pondok beroperasi?
4. Apakah aspek tumpuan dalam pembangunan belia di Patani?
5. Apakah masalah dan cabaran yang dihadapi oleh institusi pondok di Patani?

6. Apakah keunikan institusi pondok?
7. Bagaimanakah kedudukan institusi pondok dan sambutan masyarakat terhadapnya?

Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada institusi-institusi belia khususnya institusi pondok yang terdapat di Patani, Thailand agar dapat memperbaiki mutu perkhidmatannya. Kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan pengenalan kepada orang ramai yang tidak pernah mengetahui tentang institusi pondok dan peranannya dikalangan masyarakat Melayu? Selain itu kajian ini diharapkan dapat menjadi satu perbandingan antara sistem pendidikan pondok dengan sistem pendidikan yang ada sekarang di seluruh dunia yang semakin hari semakin tidak dapat mengatasi gejala-gejala sosial yang berlaku.

Kajian ini dianggap penting bagi bidang pembangunan belia dalam merangka modul atau formula baru bernilai keislaman mengikut pendekatan pondok, kerana ia boleh menjelaskan bagaimana pondok membentuk belia-belia Islam. Kebanyakan kajian yang telah lepas adalah berhubung dengan kurikulum pendidikan pondok, pembelajaran bahasa Arab dalam pondok dan lain-lain. Kajian ini merupakan kajian yang pertama berkaitan dengan pembangunan belia Islam dalam institusi pondok di Selatan Thailand. Penulis berharap kajian ini sangat bermakna dan amat bernilai sekali bagi mereka yang terlibat dengan perkara ini.

BAB II

KAJIAN BAHAN BERTULIS

Dalam bab ini pada permulaannya akan membahaskan secara terperinci perkara yang berhubung dengan Pembangunan, Asas Pembangunan Islam, Pembangunan Insan dan Program Pembangunan Insan Mengikut Islam. Seterusnya akan melihat tentang Pembangunan Belia, Pengertian Pembangunan Belia, Belia dan Perubahan, Program Pembangunan Belia Mengikut Perspektif Islam dan Cabaran terhadap Belia Islam. Dalam bahasan terakhir akan melihat Pengertian Pondok, Sistem Pendidikan Pondok, Anggapan Masyarakat terhadap Pondok dan harapan Kerajaan terhadap Pondok.

Pengertian Pembangunan

Istilah pembangunan telah digunakan dalam pelbagai disiplin. Tokoh-tokoh sosiologi atau sains sosial abad ke 19 seperti Comte (1798-1857), Marx (1818-1883), Spencer (1820-1903), Durkheim (1858-1917) dan Weber (1864-1920) umumnya menggunakan konsep pembangunan untuk menerangkan tentang sejarah manusia dan perubahan yang dialaminya secara berperingkat-peringkat. Mereka mempercayai bahawa pergerakan daripada satu peringkat ke peringkat yang lain akan memperkaya kehidupan manusia dan kehidupan adalah berbeza-beza seperti lebih kaya dalam aspek material dan budaya lebih rasional dan sebagainya (Galeski, 1972).

Selepas perang dunia kedua, apabila berlaku pelbagai bentuk kehancuran, pengertian pembangunan diubah kepada pembangunan ekonomi dan tindakan sosial. Pembangunan adalah satu proses pemindahan yang merupakan transformasi daripada satu keadaan kepada satu keadaan lain yang dianggap lebih baik (Sunkel, 1977).

Istilah pembangunan sering disamaertikan dengan perindustrian, modenisasi atau pertumbuhan ekonomi. Ia boleh dicapai menerusi eksploitasi sumber-sumber dengan cara yang secepat mungkin (Galeski, 1972). Laporan Suruhanjaya Pearson yang dibentuk pada tahun 50-an dan 60-an berasaskan kepada doktrin Rostow (1956, 1960) juga melihat pembangunan sebagai pertumbuhan ekonomi dan masalah memperoleh perubahan sosial (Rahimah Abdul Aziz, 1989). Hal ini selaras dengan pandangan Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, U Than, ketika itu ia Pembangunan = Pertumbuhan Ekonomi + Perubahan Sosial (Goulet, 1971: 6). Sehubungan itu, dalam melaksanakan tuntutan pembangunan tersebut, PBB telah menamakan tempoh 1971-1980 sebagai Dasawarsa Pembangunan Kedua yang bermatlamat untuk meningkatkan taraf ekonomi negara-negara sedang membangun. Ini diakui oleh Dasawarsa Pembangunan Ketiga yang juga menekankan kepada pemenuhan keperluan asas dan bantuan kepada negara-negara yang dipanggil Least Developed Countries (Mohd. Kamal Hasan, 1988).

Berdasarkan kenyataan di atas jelaslah bahawa perspektif ini melihat erti pembangunan yang lebih menekankan kepada maksud pertambahan pengeluaran dan bertumpuknya kekayaan material bagi mencapai tujuan yang memuaskan segala keperluan asas manusia seperti makanan, minuman, perumahan, kenderaan, kesihatan, kebebasan bersuara, pendidikan dan sebagainya. Keperluan asas ini dapat dicapai melalui pendapatan yang secukupnya, pekerjaan yang sesuai, pendidikan, kesihatan, perumahan, kenderaan dan lain-lain.

Dari perspektif yang lain, pengertian pembangunan sama ada dalam bidang sosioekonomi, politik, pentadbiran mahupun budaya adalah merupakan sistem yang menyeluruh dan bersepadu, dan ianya tidak dapat dipisahkan dengan pembangunan manusia itu sendiri (Mohd. Kamal Hassan, 1988). Beliau mengatakan bahawa